



ASN Imbang 3 Global

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022

ISI KANDUNGAN

1. MAKLUMAT TABUNG	1
2. PRESTASI TABUNG	3
3. LAPORAN PENGURUS	8
4. PENYATA PENGURUS	15
5. PENYATAAN PEMEGANG AMANAH	16
6. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT ASN IMBANG 3 GLOBAL	17
7. PENYATA KEWANGAN	20
7.1 Penyata Untung Atau Rugi Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022	20
7.2 Penyata Pendapatan Komprehensif Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022	21
7.3 Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2022	22
7.4 Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022	23
7.5 Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022	24
7.6 Nota-Nota Berkenaan Penyata Kewangan – 31 Disember 2022	25
8. ALAMAT CAWANGAN ASN	58

**LAPORAN PENGURUS
ASN IMBANG (MIXED ASSET BLANCED) 3 GLOBAL,
(ASN IMBANG 3 GLOBAL)**



ASN Imbang 3 Global

Pemegang-pemegang unit ASN Imbang 3 Global yang dihormati,

AmanahRaya Trustees Berhad (ART) selaku Pemegang Amanah dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) selaku Pengurus ASN Imbang 3 Global dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan ASN Imbang 3 Global bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.

1. MAKLUMAT TABUNG

1.1 KATEGORI / JENIS TABUNG

Nama Tabung	Kategori	Jenis Tabung
ASN IMBANG (MIXED ASSET BLANCED) 3 GLOBAL, (ASN Imbang 3 Global)	Aset Campuran Imbang	Pertumbuhan dan Pendapatan

1.2 OBJEKTIF PELABURAN TABUNG

Objektif pelaburan ASN Imbang 3 Global adalah untuk menjana pulangan yang berpatutan dalam bentuk pertumbuhan modal dan pengagihan pendapatan kepada pemegang-pemegang unit melalui pelaburan portfolio yang seimbang.

1.3 PENANDA ARAS TABUNG

ASN Imbang 3 Global menggunakan penanda aras cipta-suai yang menggabungkan Indeks MSCI ACWI dan Kadar Deposit Tetap Maybank 12 bulan (Maybank 12 bulan) bagi tujuan perbandingan prestasinya, seperti berikut:

Kombinasi Penanda Aras Cipta-Suai	%
MSCI ACWI <i>Sumber: www.msci.com</i>	50
Maybank 12 bulan <i>Sumber: www.maybank2u.com.my</i>	50

"Source: MSCI. The MSCI information may only be used for your internal use, may not be reproduced or redisseminated in any form and may not be used as a basis for or a component of any financial instruments or products or indices. None of the MSCI information is intended to constitute investment advice or a recommendation to make (or refrain from making) any kind of investment decision and may not be relied on as such. Historical data and analysis should not be taken as an indication or guarantee of any future performance analysis, forecast or prediction. The MSCI information is provided on an "as is" basis and the user of this information assumes the entire risk of any use made of this information. MSCI, each of its affiliates and each other person involved in or related to compiling, computing or creating any MSCI information (collectively, the "MSCI Parties") expressly disclaims all warranties (including, without limitation, any warranties of originality, accuracy, completeness, timeliness, non-infringement, merchantability and fitness for a particular purpose) with respect to this information. Without limiting any of the foregoing, in no event shall any MSCI Party have any liability for any direct, indirect, special, incidental, punitive, consequential (including, without limitation, lost profits) or any other damages. (www.msci.com)".

1.4 POLISI PENGAGIHAN PENDAPATAN

ASN Imbang 3 Global akan mengagihkan perolehan daripada pendapatannya, jika ada, tertakluk kepada budi bicara pihak pengurusan dan kelulusan daripada pemegang amanah.

1.5 PEGANGAN UNIT

Pada 31 Disember 2022, seramai 36,812 individu telah menyertai ASN Imbang 3 Global. Saiz pegangan unit adalah seperti berikut:

Saiz Pegangan	Pemegang Unit		Unit Dilanggan	
	Bilangan	%	Unit	%
5,000 dan ke bawah	9,578	26.02	12,218,736.44	0.81
5,001 hingga 10,000	5,449	14.80	43,172,663.27	2.86
10,001 hingga 50,000	14,994	40.73	377,631,414.31	25.00
50,001 hingga 500,000	6,529	17.74	790,948,393.27	52.35
500,001 dan ke atas	262	0.71	286,767,397.87	18.98
JUMLAH	36,812	100.00	1,510,738,605.16	100.00

2. PRESTASI TABUNG

2.1 PERUMPUKAN ASET

Perumpukan Aset Bagi ASN Imbang 3 Global mengikut Sektor pada Nilai Pasaran Berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) Tabung:

Sektor	Pada Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember (%)	
	2022	2021
Pelaburan di Pasaran Ekuiti:		
Perkhidmatan Komunikasi	3.86	4.38
Barangan Bukan Asasi Pengguna	5.01	9.39
Barangan Asasi Pengguna	8.07	6.01
Tenaga	0.93	2.41
Penjagaan Kesihatan	3.49	3.56
Perindustrian	2.98	6.47
Teknologi Maklumat	10.42	20.59
Bahan Asas	1.12	1.50
Hartanah	0.95	0.52
Utiliti	-	0.35
Jumlah	36.83	55.18
Lain-lain Pelaburan di Pasaran Modal:		
a) Pelaburan di dalam Unit Amanah dan Dana Didagangkan Bursa (ETF)	9.29	7.42
b) Sekuriti Berpendapatan Tetap	42.95	14.84
c) Lain-lain Pelaburan dan Aset Bersih	10.93	22.56
Jumlah	100.00	100.00

2.2 MAKLUMAT KEWANGAN

Prestasi Maklumat Kewangan:

	Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022	Dari Tarikh Pelancaran 16 September 2020 sehingga 31 Disember 2021
Sebelum Pengagihan Pendapatan		
NAB (RM'000)	1,362,636	1,422,196
NAB Seunit (RM)	0.9014	1.0304
Selepas Pengagihan Pendapatan		
Kadar Pengagihan Pendapatan (sen seunit)	0.45	1.25
NAB (RM'000)	1,355,833	1,404,943
NAB Seunit (RM)	0.8969	1.0179
NAB Seunit Terendah (RM)	0.8838	1.0150
NAB Seunit Tertinggi (RM)	1.0244	1.0674
Unit Dalam Edaran ('000)	1,511,700	1,380,200
Tarikh Pengagihan Pendapatan	3 Januari 2023	1 Januari 2022
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%) ¹	1.50	2.11
Nisbah Pusing Ganti Portfolio (kali) ²	2.44	2.09
Pulangan		
Pulangan Pendapatan (%) ³	0.50	1.23
Pulangan Modal (%) ⁴	-11.89	1.79
Jumlah Pulangan (%) ⁵	-11.45	3.04

Nota:

- Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) adalah nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan ASN Imbang 3 Global yang dikembalikan dengan purata NAB pada kos ASN Imbang 3 Global untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. Perubahan antara NPP bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 berbanding dengan tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 adalah ketara ekoran pengurangan aktiviti jual beli ekuiti.
- Nisbah Pusing Ganti Portfolio (NPGP) adalah nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan dalam tahun kewangan dengan purata NAB pada kos ASN Imbang 3 Global untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. Perubahan antara NPGP bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 berbanding dengan tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 adalah ketara ekoran peningkatan pembelian dalam pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap.
- Pulangan Pendapatan (%): $\left[\frac{\text{Pengagihan Pendapatan Seunit}}{\text{NAB Seunit Selepas Pengagihan Pendapatan}} \right] \times 100$
- Pulangan Modal (%): $\left[\left(\frac{\text{NAB Seunit Selepas Pengagihan Pendapatan}}{\text{NAB Seunit Awal Tahun Kewangan}} \right) - 1 \right] \times 100$
- Jumlah Pulangan (%): $\left[\left(1 + \frac{\text{Pulangan Modal}}{100} \right) \times \left(1 + \frac{\text{Pulangan Pendapatan}}{100} \right) - 1 \right] \times 100$

2.3 PENGAGIHAN PENDAPATAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022, ASN Imbang 3 Global telah memperuntukkan sejumlah RM6,802,650 untuk pembayaran pengagihan pendapatan bersamaan dengan 0.45 sen seunit.

2.4 JUMLAH PULANGAN TAHUNAN

Pulangan tahunan bagi ASN Imbang 3 Global adalah seperti berikut:

	31 Disember 2022	
	1 Tahun	Sejak Penubuhannya
Pulangan Tahunan (%) ¹	-11.45	-3.92
Penanda Aras (%)	-6.45	3.90

Sumber Tabung: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Sumber Penanda Aras: Permodalan Nasional Berhad

Nota:

1. Pengiraan pulangan tahunan (annualized return) adalah seperti berikut:-

$$= \left[\left[(1 + r_1) \times (1 + r_2) \times \dots \times (1 + r_n) \right]^{\frac{1}{n}} - 1 \right] \times 100$$

Di mana, r = pulangan tahunan; n = bilangan tahun.


2.5 PERBANDINGAN PRESTASI TABUNG DENGAN PENANDA ARAS

Prestasi bagi ASN Imbang 3 Global berbanding penanda aras cipta-suai adalah seperti berikut:

	Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember	
	2022	2021
Jumlah Pulangan (%) ¹	-11.45	3.04
Penanda Aras (%)	-6.45	16.68

Sumber Tabung: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Sumber Penanda Aras: Permodalan Nasional Berhad



Sumber Tabung: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Sumber Penanda Aras: Permodalan Nasional Berhad

Sila ambil perhatian bahawa Pengurus tidak menjamin pulangan pelaburan. Pengagihan pendapatan dan harga unit jika dibayar mungkin turun atau naik. Prestasi Tabung masa lalu tidak semestinya mencerminkan prestasi masa hadapan.

2.6 ANALISIS NILAI ASET BERSIH (NAB) TABUNG

ASN Imbang 3 Global telah mencatatkan penurunan NAB sebanyak 3.50% daripada RM1.40 bilion kepada RM1.36 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022. NAB seunit turut mencatatkan penurunan sebanyak 11.89% daripada RM1.0179 kepada RM0.8969 bagi tempoh yang sama.

2.7 PERUBAHAN SIGNIFIKAN TABUNG

Tiada perubahan signifikan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.

2.8 SITUASI YANG MENJEJASKAN KEPENTINGAN PEMEGANG UNIT

ASN dan ASN Imbang 3 Global tidak mengalami situasi-situasi yang boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit.

2.9 DAGANGAN SILANG

Sepanjang tempoh tinjauan, transaksi dagangan silang dijalankan bagi ASN Imbang 3 Global. Transaksi tersebut dijalankan tertakluk kepada Garis panduan bagi Fungsi Pematuhan kepada Institusi Pengurusan Dana "*Guidelines on Compliance Function for Fund Management Companies*". Pengurus Pelaburan perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Pelaburan sebelum melakukan transaksi dagangan silang dan menyimpan rekod transaksi serta memaklumkan kepada Jawatankuasa Pelaburan selepas pelaksanaan transaksi tersebut.

2.10 KOMISEN RINGAN

ASNB dan Pengurus Pelaburan Tabung unit amanahnya tidak menerima komisyen ringan daripada broker dan/atau wakil urusniaga yang dikendalikan untuk unit amanah.

3. LAPORAN PENGURUS

3.1 PENCAPAIAN OBJEKTIF

ASN Imbang 3 Global telah berupaya untuk mencapai objektif pelaburannya dalam menjana pulangan jangka panjang yang kompetitif kepada pemegang-pemegang unit untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.

3.2 POLISI PELABURAN

Polisi pelaburan ASN Imbang 3 Global adalah untuk melabur di dalam portfolio yang dipelbagaikan, terutamanya sekuriti yang disenaraikan di bursa saham utama dunia yang diktiraf, sekuriti yang tidak disenaraikan, instrumen berpendapatan tetap, instrumen pasaran wang dan lain-lain instrumen pasaran modal, seperti yang dibenarkan dalam Surat Ikatan ASN Imbang 3 Global. ASN Imbang 3 Global boleh melaburkan 35% sehingga 65% daripada Nilai Aset Bersih (NAB) dalam ekuiti dan bakinya dalam lain-lain instrumen pasaran modal. Walau bagaimanapun, ASN Imbang 3 Global boleh mengambil strategi defensif mengikut kesesuaian pasaran. Pelaburan di pasaran saham antarabangsa adalah bergantung kepada keadaan pasaran sesebuah negara, pergerakan mata wang di samping perubahan asas ekonomi serta kestabilan sosial dan politik sesebuah negara.

3.3 STRATEGI PELABURAN SEPANJANG TAHUN

Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022, ASN Imbang 3 Global telah melaksanakan perumpukan aset yang aktif dalam pelaburan. Ini dilaksanakan setelah mengambil kira faktor-faktor ekonomi global, kadar pulangan pasaran saham serta kadar pulangan bagi sekuriti berpendapatan tetap dan instrumen pasaran wang bagi memastikan objektif Tabung tercapai.

Sepanjang tahun kewangan, purata pengagihan aset adalah lebih kepada sekuriti berpendapatan tetap dan wang tunai dalam lingkungan 45%-55% berbanding penanda aras 50% ekuiti: 50% tunai. Tumpuan pada sekuriti berpendapatan tetap dan tunai adalah untuk mengurangkan risiko modal Tabung, ekoran ketidaktentuan pasaran saham antarabangsa.

i. Ekuiti

Pada awal tahun kewangan 2022, pasaran saham antarabangsa dianggap akan mencatatkan prestasi positif, ekoran ekonomi dunia masih lagi mengalami situasi pembukaan semula ekonomi pasca COVID-19. Kadar inflasi yang meningkat pada suku ketiga dan keempat 2021, turut dijangkakan sebagai fenomena sementara oleh bank pusat seluruh dunia, ekoran ekonomi dunia sedang mengalami fasa peralihan dari pandemik yang ketat kepada fasa endemik dan pembukaan semula ekonomi.

Pelaburan dalam separuh tahun pertama tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 lebih tertumpu kepada pasaran saham ekonomi maju ("Developed Markets"), terutamanya di Eropah seperti Jerman dan Perancis, yang membuka semula ekonomi lebih lewat berbanding Amerika Syarikat, serta Pelan Generasi Depan Eropah ("NextGen EU"), yang dimuktamadkan pada suku ketiga 2021, yang dijangkakan akan terus memacu pertumbuhan ekonomi Eropah. Dari sudut sektor pula, pelaburan Tabung

adalah lebih tertumpu kepada sektor seperti Teknologi dan Kepenggunaan yang dijangka akan terus mendapat manfaat daripada perbelanjaan sektor Perniagaan dan juga sektor Pengguna ekoran pembukaan semula ekonomi yang mempunyai momentum yang baik.

Namun begitu, menjelang suku kedua 2022, keadaan pasaran saham, serta pertumbuhan ekonomi dunia menjadi tidak menentu, malah kesan positif pasaran saham serta pertumbuhan ekonomi terus menjadi negatif ekoran tiga faktor utama; i) Krisis Geopolitik Rusia – Ukraine; ii) Kadar inflasi luar jangkaan di negara Barat; serta iii) Polisi Sifar Covid di China.

Oleh yang demikian, pelaburan dalam separuh tahun kedua tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022, lebih bersifat defensif dalam usaha untuk mengurangkan kesan langsung penurunan pasaran saham kepada aset yang dimiliki Tabung. Pelaburan masih tertumpu kepada pasaran saham ekonomi maju, namun lebih kepada pasaran saham Amerika Syarikat berbanding Eropah yang mengalami krisis bekalan gas yang sebelum ini diperolehi dari Rusia. Pasaran saham Amerika Syarikat juga dijangkakan lebih berdaya tahan ekoran lebih simpanan isi rumah, hasil daripada beberapa pelan stimulus yang telah dilancarkan sepanjang fasa pandemik pada tahun 2020 dan 2021. Sektor yang telah diberikan tumpuan pula adalah sektor-sektor yang dijangka akan berdaya tahan dalam ketidak-tentuan ekonomi dunia seperti Kesihatan dan Kepenggunaan Asas. Selain itu, Tabung turut mula melakukan pelaburan bersifat taktikal dalam sektor Tenaga dan Bahan Asas - komoditi yang mendapat manfaat langsung ekoran sekatan terhadap eksport minyak mentah dan gas dari Rusia oleh negara-negara utama dunia.

ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Wang Tunai

Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022, ASN Imbang 3 Global telah mempelbagaikan pelaburan Tabung melalui pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap dan melakukan pelaburan berdasarkan pulangan yang bersesuaian dengan risiko kredit setiap terbitan.

Pelaburan di dalam sekuriti berpendapatan tetap telah tertumpu kepada bon korporat yang menjana kupon yang lebih tinggi dalam usaha memberikan pendapatan yang kompetitif kepada Tabung. Pelaburan tambahan telah dilakukan dalam sektor Telekomunikasi dan Petrokimia yang mempunyai tempoh matang antara 3 sehingga 7 tahun. Sektor-sektor ini dilihat mempunyai prestasi kewangan yang kukuh selaras dengan risiko kredit yang diambil oleh Tabung. Selain itu, pelaburan di dalam sekuriti pendapatan tetap turut dilakukan dalam sekuriti kerajaan iaitu Malaysian Government Securities (MGS) dan Government Investment Issues (GII). Strategi pelaburan dalam MGS dan GII ini adalah lebih kepada penjana keuntungan modal kerana bon terbitan kerajaan Malaysia dijangka akan mendapat manfaat kenaikan harga, ekoran risiko kemelesetan ekonomi domestik dan antarabangsa. Di samping itu, kadar hasil MGS turut telah meningkat seiring dengan kenaikan kadar dasar semalaman.

Purata kadar hasil bagi pegangan portfolio sekuriti-sekuriti berpendapatan tetap adalah 4.43% dengan purata tempoh matang portfolio selama 5.52 tahun, manakala purata penarafan kredit adalah "AA1".

Selain sekuriti berpendapatan tetap kerajaan Malaysia, Tabung ASN Imbang 3 Global turut melabur di dalam pasaran sekuriti berpendapatan tetap antarabangsa dalam usaha menjana pulangan yang kompetitif kepada Tabung. Pelaburan ini adalah lebih bersifat taktikal, bagi menjana pulangan tambahan ke atas tunai antarabangsa melalui hasil jual beli. Antara pelaburan bon antarabangsa yang menjadi keutamaan adalah di dalam pasaran negara maju terutamanya sekuriti Kerajaan Amerika Syarikat yang mempunyai tahap kecairan dan kedalaman pasaran yang tinggi.

Pelaburan ASN Imbang 3 Global juga dibuat dalam pasaran wang bagi membolehkan Tabung memiliki kecairan yang mencukupi bagi memasuki pasaran saham tempatan dan antarabangsa pada masa yang bersesuaian, seiring dengan perumpukan aset aktif.

3.4 ULASAN EKONOMI DAN PASARAN SAHAM

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022, pasaran saham antarabangsa mempamerkan prestasi yang lemah disebabkan oleh kadar inflasi global yang tinggi akibat peningkatan harga minyak dan gas serta komoditi-komoditi di seluruh dunia ekoran konflik geopolitik antara Rusia dan Ukraine. Selain itu, rantaian bekalan dunia yang terganggu ekoran dasar sifar COVID di China turut meningkatkan kadar inflasi dunia. Ekoran lebihan simpanan kewangan masyarakat dunia, kadar permintaan tidak menurun walaupun harga barang semakin meningkat. Oleh itu, bank-bank pusat antarabangsa mula mengetatkan dasar monetari secara agresif untuk mengawal inflasi. Ini telah mengakibatkan anggaran kadar pertumbuhan ekonomi dunia berkurang. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) menjangkakan pertumbuhan ekonomi dunia berkembang lebih perlahan kepada 3.2% pada 2022 berbanding 6.0% pada 2021.

Sejajar dengan itu, indeks komposit utama antarabangsa seperti MSCI ACWI telah mencatatkan penurunan sebanyak -19.8%. Penurunan ketara dalam tempoh tinjauan turut dicatatkan oleh pasaran saham yang mempunyai komponen indeks yang tinggi dalam sektor berkaitan teknologi, dengan prestasi terendah telah dicatat oleh Amerika Syarikat (Nasdaq) sebanyak -33.1%, diikuti oleh Korea Selatan (KOSPI, -24.9%), China (CSI 300, -21.6%) dan Hong Kong (Hang Seng, -14.6%). Sementara itu, indeks pasaran saham utama di rantau ASEAN yang sedikit sebanyak terlindung daripada kesan perang di Eropah di samping mendapat manfaat daripada pembukaan semula sempadan dan kenaikan harga komoditi, telah mencatatkan prestasi lebih baik berbanding pasaran utama antarabangsa. Prestasi tertinggi dicatat oleh Indonesia (JCI, +4.2%), diikuti oleh Singapura (STI, +4.1%), dan Thailand (SET, +0.7%).

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022, semua sektor di dalam indeks komposit MSCI ACWI telah mencatatkan prestasi negatif, kecuali sektor Tenaga telah mencatatkan prestasi positif. Antara sektor yang terjejas adalah sektor Komunikasi yang mencatatkan penyusutan sebanyak -36.9%, ekoran pembukaan semula ekonomi dunia yang telah mengakibatkan penurunan kadar guna perkhidmatan alam maya. Selain itu, sektor Kepenggunaan turut merosot sebanyak -32.4% kesan daripada penurunan permintaan pengguna terhadap barangan bernilai tinggi, oleh kerana pengguna secara amnya memilih untuk membelanjakan simpanan mereka terhadap sektor Perkhidmatan seperti Pelancongan. Selain itu, sektor Kepenggunaan turut menerima kesan daripada penurunan

permintaan barangan melalui "e-commerce". Antara sektor utama dunia yang turut mencatatkan prestasi buruk adalah sektor Teknologi Maklumat, merosot -31.7% kerana kebangkitan para pelabur terhadap pengurangan permintaan produk semikonduktor dunia, selepas mencatatkan prestasi permintaan yang sangat baik.

Selain itu, tahun kewangan 2022 turut memperlihatkan syarikat-syarikat yang mempunyai nilai pasaran besar mencatatkan prestasi buruk. Syarikat-syarikat seperti Apple (-26.8%), Microsoft Corp (-28.7%), Amazon.Com Inc (-49.6%), Alphabet Inc (-39.1%) dan META Platforms (-64.2%) juga merupakan syarikat-syarikat yang mempunyai nilai indeks yang tinggi, dan mengakibatkan pasaran saham dunia menurun. Sebaliknya, syarikat-syarikat dalam sektor Tenaga berjaya menunjukkan prestasi kukuh, sejajar dengan peningkatan harga minyak mentah dunia. Syarikat pengeluar minyak dan gas seperti Exxon Mobil Corp (+80.3%), Chevron Corp (+52.9%) dan Shell PLC (+43.4%), masing-masing telah mencatatkan peningkatan nilai pasaran yang signifikan.

Nilai mata wang Ringgit Malaysia telah menurun sebanyak -5.4% untuk ditutup pada paras RM4.4040/USD pada 31 Disember 2022 berbanding RM4.1660/USD pada 31 Disember 2021. Dalam tempoh tinjauan, Ringgit telah didagangkan pada paras tertinggi RM4.7480/USD pada 4 November 2022, manakala paras terendah adalah RM4.1660/USD pada 31 Disember 2021. Prestasi mata wang Ringgit Malaysia telah dipengaruhi oleh peningkatan agresif kadar polisi utama Amerika Syarikat bagi membendung kenaikan kadar inflasi yang menyebabkan peningkatan nilai mata wang USD.

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia pada suku ketiga 2022 telah meningkat sebanyak +14.2% berbanding peningkatan sebanyak +8.9% pada suku kedua 2022 dan suku pertama 5.0% hasil daripada kesan positif pakej bantuan dan rangsangan ekonomi yang mendorong perbelanjaan rakyat. Pertumbuhan suku ketiga 2022 ini turut disokong oleh pelaksanaan langkah Bajet 2022 serta kesan peralihan kepada fasa endemik yang mendorong aktiviti ekonomi dan sosial yang lebih rancak yang mendorong pertumbuhan sektor Perkhidmatan sebanyak 16.7% berbanding 9.3% pada suku kedua 2022. Secara keseluruhan, KDNK meningkat sebanyak 9.3% pada sembilan bulan pertama 2022.

3.5 ULASAN PASARAN WANG, SEKURITI BERPENDAPATAN TETAP DAN KADAR KEUNTUNGAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022, Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) telah dinaikkan empat kali oleh Bank Negara Malaysia (BNM) (sebanyak 25 mata asas pada bulan Mei, Julai, September dan November 2022) daripada 1.75% kepada 2.75%, selari dengan bank-bank pusat dunia terutamanya Amerika Syarikat. Walau bagaimana pun, dasar monetari masih kekal akomodatif terhadap pertumbuhan ekonomi. Kegiatan ekonomi yang meningkat dengan pembukaan semula ekonomi domestik dan global serta keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik terus menyokong momentum pertumbuhan ekonomi yang positif. Kadar simpanan tetap Maybank 12 bulan turut naik 100 mata asas dari kadar 1.85% ke 2.85%.

Lembaga Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (Federal Reserve Board) telah menjangkakan kadar inflasi akan meningkat susulan pembukaan sektor Ekonomi selepas pandemik COVID-19 di samping isu rantaian bekalan dunia yang berpanjangan. Namun begitu, kenaikan kadar inflasi telah terus meningkat secara mendadak, dan berlarutan lebih lama dari jangkaan. Ini telah memaksa Federal Reserve Board untuk bersifat lebih

agresif dengan menaikkan kadar faedah sebanyak 7 kali, sebanyak 425 mata asas secara kumulatif.

Kenaikan kadar faedah oleh bank-bank pusat dunia termasuk BNM untuk mengawal kadar inflasi daripada terus meningkat telah mendorong kepada kenaikan kadar hasil MGS. Di samping itu, Kerajaan Malaysia juga telah mengekalkan terbitan MGS yang tinggi untuk membiayai perbelanjaan fiskal kerajaan yang turut mendorong kepada kenaikan kadar hasil MGS. Secara keseluruhannya, kadar hasil MGS 3-tahun, 5-tahun dan 10-tahun telah ditutup lebih tinggi pada 3.73%, 3.87% dan 4.07%, masing-masing naik sebanyak 76, 69 dan 44 mata asas bagi tempoh 12 bulan.

Kadar hasil sekuriti bon korporat bertaraf AA berjangka 3 sehingga 10 tahun telah mencatatkan kenaikan kadar hasil antara 70 hingga 102 mata asas, sejajar dengan kenaikan kadar hasil sekuriti kerajaan. Sepanjang tahun 2022, jumlah terbitan bon korporat telah mencatat peningkatan sebanyak 14% berbanding tahun lepas, bersamaan RM130 bilion. Secara keseluruhannya, 60% penerbitan bon korporat adalah bertaraf AAA, 32% bertaraf AA dan 8% bertaraf A. Sektor Utiliti telah menerbitkan jumlah bon korporat terbesar (29%), diikuti oleh sektor Kewangan (24%) dan sektor Hartanah (11%).

3.6 STRATEGI PELABURAN PADA MASA HADAPAN

Dalam laporan IMF pada bulan Oktober 2022, IMF telah menurunkan jangkaan kadar pertumbuhan global bagi tahun 2023, daripada 3.6% (pada April 2022) kepada 3.2% (pada Julai 2022) dan yang terbaru kepada 2.7% (pada Oktober 2022). Untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023, keadaan pasaran modal antarabangsa dijangkakan akan terus mencabar disebabkan oleh risiko kemelesatan ekonomi sekiranya bank-bank pusat dunia terus meningkatkan kadar faedah untuk mengawal kadar inflasi yang tinggi. Kenaikan kadar pembiayaan bakal menyebabkan penurunan aktiviti ekonomi dunia akibat daripada peningkatan kos membayar semula hutang oleh isi rumah serta sektor Korporat, dan secara langsung mengurangkan kecenderungan pengguna untuk berbelanja.

Oleh yang demikian, Pengurus Pelaburan akan terus memantau perkembangan ekonomi dan pasaran semasa dengan aktif serta sentiasa melakukan pelarasan terhadap strategi pelaburan Tabung berdasarkan prestasi pasaran tempatan dan antarabangsa dengan sewajarnya. Pengurus Pelaburan akan terus melaksanakan perumpukan aset yang memfokuskan kepada sekuriti berpendapatan tetap dan instrumen pasaran wang, dengan lingkungan 50–60% dalam jangka masa terdekat, melihatkan kepada ketidaktentuan pasaran saham antarabangsa.

i. Ekuiti

Bagi tahun kewangan 31 Disember 2023, strategi pelaburan ekuiti akan lebih bersifat defensif secara amnya. Pelaburan ekuiti ini akan dilakukan secara selektif dalam usaha memastikan pulangan Tabung kekal kompetitif di dalam persekitaran pelaburan yang tidak menentu.

Perumpukan pelaburan dari sudut sektor akan tertumpu pada sektor-sektor yang bersifat defensif dan mempunyai daya tahan yang baik, tatkala ekonomi utama dunia seperti Amerika Syarikat dan negara Kesatuan Eropah, dijangka akan mengalami kemelesatan ekonomi. Sektor yang akan diberi tumpuan adalah sektor Kesihatan,

terutamanya Farmaseutikal yang dijangka akan terus berdaya tahan, ekoran permintaan bekalan ubatan yang akan terus kekal tanpa mengira keadaan ekonomi semasa. Selain itu, Tabung akan turut menumpukan pelaburan dalam sektor Barangan Asasi Pengguna, terutama dalam syarikat-syarikat yang diyakini mempunyai kekuatan untuk memindahkan kenaikan harga kos input produk mereka kepada para pengguna. Tabung akan turut terus menumpukan pelaburan yang memberikan impak besar bagi tahun kewangan 2023, seperti syarikat utiliti yang akan terus mendapat manfaat dari aliran pengembangan jana kuasa dari sumber tenaga hijau.

Perumpukan pelaburan dari sudut negara pasaran pula akan lebih ditumpukan pada negara-negara membangun di Asia, berbanding negara maju. Ini berikutan pembukaan semula ekonomi China, selepas hampir 3 tahun dalam keadaan sempadan negara ditutup sejajar dengan polisi sifar COVID-19 yang diamalkannya. Ekonomi China dijangka akan mengalami fasa peralihan dengan kadar permintaan pengguna dan perniagaan yang memberangsangkan ekoran pembukaan semula sempadan, mengambil contoh fenomena yang berlaku di negara-negara utama dunia sebelum ini. Selain itu, kemasukan semula pelancong China keseluruh dunia, terutamanya di Asia akan memberi manfaat langsung kepada pertumbuhan ekonomi negara seperti Thailand, Jepun, Korea Selatan dan juga Australia.

Pengurus Pelaburan akan terus aktif dalam pasaran ekuiti antarabangsa serta bersifat taktikal, setelah membuat pertimbangan mengenai perkembangan makro dan mikro ekonomi dunia, risiko geopolitik dan aliran dagangan kewangan sedunia.

ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Wang Tunai

Mengambil kira kebarangkalian kenaikan kadar dasar semalaman oleh BNM bagi membendung inflasi, ASN Imbang 3 Global telah menyusun strategi yang bersifat lebih defensif, dengan mengutamakan sekuriti terbitan kerajaan, berbanding bon korporat secara amnya. Ini kerana kenaikan kadar hasil bon adalah berjajaran songsang dengan nilai pasaran bon.

Pengurus Pelaburan akan memberi tumpuan kepada pelaburan sekuriti pendapatan tetap ekoran kenaikan kadar hasil yang ketara yang menjadikannya instrumen pelaburan yang lebih menarik berbanding pasaran tunai. Strategi pelaburan di dalam sekuriti kerajaan, MGS dan GII lebih tertumpu kepada penjana keuntungan modal kerana bon terbitan kerajaan Malaysia mempunyai ciri kecairan lebih tinggi berbanding bon korporat. Di samping itu, kadar hasil MGS turut meningkat seiring dengan kenaikan kadar semalaman. Bagi pasaran sekuriti pendapatan tetap antarabangsa, ASN Imbang 3 Global akan melakukan pelaburan taktikal untuk menghasilkan keuntungan modal bagi menambahkan lagi pulangan kepada pelabur. Pengurus Pelaburan juga akan mula meneroka pasaran bon negara membangun ("Emerging Markets") seperti Indonesia dan Korea Selatan, dalam konteks pengukuhan kadar mata wang mereka, berbanding mata wang USD.

Pelaburan dalam bon korporat akan tertumpu untuk menjana kupon yang lebih tinggi berbanding penanda aras – kadar simpanan tetap, dengan mensasarkan syarikat-syarikat yang mempunyai asas kewangan yang kukuh dan stabil dalam usaha memberikan pendapatan yang kompetitif kepada Tabung.

Pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap dibuat dengan pemilihan instrumen-instrumen yang bermutu dan setelah mengambil kira faktor-faktor seperti perolehan, kecairan, tempoh matang dan juga kupon yang berpatutan dengan risiko yang ditanggung oleh ASN Imbang 3 Global. Di samping itu, pelaburan pasaran wang akan diteruskan bagi memastikan kecairan yang mencukupi untuk memasuki pasaran saham antarabangsa pada masa yang bersesuaian.

4. PENYATA PENGURUS

Kepada Pemegang-pemegang Unit

ASN IMBANG (MIXED ASSET BALANCED) 3 GLOBAL

Kami, sebagai Pengarah kepada AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, iaitu Pengurus kepada ASN IMBANG (MIXED ASSET BALANCED) 3 GLOBAL ("Unit Amanah"), dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Unit Amanah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022, berserta dengan nota-nota yang dikepilkan padanya telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa, bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Disember 2022, dan keputusan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD selaku Pengurus kepada ASN IMBANG (MIXED ASSET BALANCED) 3 GLOBAL, menurut resolusi para Pengarah bertarikh 10 Februari 2023.

TUN ARIFIN BIN ZAKARIA

Pengerusi

ENCIK AHMAD ZULQARNAIN BIN CHE ON

Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia

10 Februari 2023

5. PENYATAAN PEMEGANG AMANAH

Kepada para pemegang unit **ASN IMBANG (MIXED ASSET BALANCED) 3 GLOBAL** ("Tabung")

Kami telah bertindak selaku Pemegang Amanah Tabung bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022, dan kami dengan ini mengesahkan bahawa pada pengetahuan kami, setelah melakukan segala pernyataan yang munasabah, AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD telah melaksana dan mengurus Tabung dalam tahun penyata kewangan selaras dengan perkara berikut:

1. Had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada syarikat pengurusan mengikut Surat Ikatan, undang-undang sekuriti dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah;
2. Penilaian dan penentuan harga dibuat selaras dengan Surat Ikatan; dan
3. Sebarang penjadian dan perlucutan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Surat Ikatan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan.

Kami juga berpendapat bahawa pengagihan pendapatan Tabung adalah sesuai dan selaras dengan objektif pelaburan Tabung.

Untuk **AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD**

ZAINUDIN BIN SUHAIMI

Ketua Pegawai Eksekutif

10 Februari 2023

6. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT ASN IMBANG 3 GLOBAL

Laporan Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan ASN IMBANG (MIXED ASSET BALANCED) 3 GLOBAL ("Unit Amanah"), yang mengandungi penyata untung atau rugi pada 31 Disember 2022 penyata pendapatan komprehensif, dan penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, dan rumusan dasar-dasar perakaunan dan lain-lain nota keterangan yang dibentangkan pada muka surat 20 sehingga 57.

Pada pendapat kami, penyata kewangan bagi Unit Amanah tersebut telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards - MFRS) bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangannya serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Pendapat

Kami telah menjalankan audit kami menurut piawaian pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dihuraikan dengan lanjut dalam laporan kami di bawah seksyen "Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan". Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

Tanggungjawab kebebasan dan lain-lain tanggungjawab etika

Kami bebas daripada Unit Amanah selaras dengan Undang-Undang Kecil (atas Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Akauntan Etika Akauntan Profesional ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi lain-lain tanggungjawab etika mengikut undang-undang kecil dan Kod IESBA.

Maklumat selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya

Pengurus Unit Amanah adalah bertanggungjawab untuk lain-lain maklumat. Lain-lain maklumat tersebut merangkumi maklumat yang terkandung dalam Laporan Tahunan Unit Amanah tetapi tidak termasuk penyata kewangan dan laporan juruaudit yang dilampirkan.

Laporan tahunan ini dijangka tersedia kepada kami selepas tarikh laporan juruaudit ini.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan tidak meliputi lain-lain maklumat dan kami tidak akan menyatakan sebarang bentuk jaminan ke atas kesimpulan mengenainya.

Sehubungan dengan audit kami terhadap penyata kewangan, tanggungjawab kami adalah untuk mempertimbangkan samada lain-lain maklumat tersebut secara materialnya tidak selaras dengan penyata kewangan atau pengetahuan diperolehi dari audit, atau sebaliknya menunjukkan kesilapan material yang ketara dengan membaca lain-lain maklumat yang dikenal pasti di atas apabila ia tersedia.

Apabila kami membaca laporan tahunan, sekiranya kami mendapati terdapat salah nyata yang ketara di dalamnya, kami perlu menyampaikan perkara itu kepada yang berkaitan dengan tadbir urus dan melaporkan fakta-fakta tersebut mengikut kesesuaian.

Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah terhadap Penyata Kewangan

Pengurus Unit Amanah adalah bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama berdasarkan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards - MFRS) dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (International Financial Reporting Standards - IFRS). Pengurus juga bertanggungjawab ke atas kawalan dalaman berkaitan penyediaan dan persembahan yang saksama penyata kewangan, yang bebas dari kesilapan yang material, samada disebabkan kesilapan atau pecah amanah. Pemegang Amanah adalah bertanggungjawab untuk memastikan Pengurus menyimpan rekod perakaunan dan lain-lain rekod yang diperlukan untuk persembahan penyata kewangan yang saksama.

Dalam menyediakan penyata kewangan Unit Amanah, Pengurus adalah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Unit Amanah untuk meneruskan sebagai usaha berterusan, menyatakan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan jika para Pengarah berhasrat untuk membubarkan Unit Amanah atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain berbuat demikian.

Pemegang Amanah bertanggungjawab untuk mengawasi proses pelaporan kewangan Amanah. Pemegang Amanah juga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Pengurus menyimpan perakaunan yang betul dan rekod lain yang diperlukan untuk membolehkan penyampaian penyata kewangan ini benar dan saksama.

Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan

